

Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor

Abd Ganing Laengkang
e-mel: abdulganing@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Lakuan bahasa ialah kajian tindakan-tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang dituturkan mengandungi tindakan, seperti berjanji, menggesa, menasihati, menegaskan, melaporkan, menyimpulkan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS). Kajian ini menggunakan kerangka teori yang diperkenalkan oleh Bach dan Harnihs. Walau bagaimanapun, pengkaji akan menyesuaikan kerangka teori tersebut dengan data kajian yang berbahasa Melayu. Enam teks khutbah Jumaat yang dibacakan pada tahun 2018 dipilih untuk dianalisis, iaitu dua teks pada bulan Februari, dua teks pada bulan Mac dan dua teks pada bulan April. Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati tiga kategori lakuan dan 13 subkategori lakuan. Jumlah keseluruhan kekerapan adalah sebanyak 341 kali. Antara lakuan bahasa yang paling kerap ialah lakuan bahasa nasihat (83), lakuan deskriptif (61), lakuan makluman (42) dan lakuan penegasan (41). Lakuan bahasa yang lain tidak dominan kerana kekerapannya hanya antara 3 hingga 19. Kajian ini menunjukkan bahawa khutbah Jummat bersifat nasihat dan deskriptif. Walau bagaimanapun, pengkaji mencadangkan agar lakuan *persoalan retorik* perlu diperbanyak agar dapat meningkatkan daya interaksi antara khatib dengan jemaah. Hal ini penting selain memberi nasihat, khutbah Jummat juga perlu mengajak jemaah berfikir melalui persoalan retorik yang dibangkitkan oleh khatib.

Kata kunci: lakuan bahasa, khutbah Jumaat, nasihat, Jais, Selangor.

Speech Act Analysis toward the Friday Sermon of Selangor State Government

ABSTRACT

Speech act is study of action in language communication. Each sentence uttered contains action, such as promise, urge, advise, firm, report, conclude, and etc. Therefore, this research will analyse speech act in the Friday sermon text, published by Selangor Islamic Religion Department (JAIS). This research will use theoretical framework of Bach and Harnish that was introduced in 1979. However, this theoretical framework is adapted with data, where the data is in Malay language. Six Friday sermon texts have been chosen to be analysed and they have been delivered in 2018, two texts in every month, from February to April. Based on the analysis, this research found that there are three category of speech act and thirteen subcategory of speech act in the texts. The total number of frequency of speech act are 341. Among the highest frequency is advise speech act (83), follow by descriptive (61), notify (42), and firm (41). Other speech act is not dominant as its frequency is ranging from 3 to 19. This research shows that Friday sermon advise and descriptive in nature. However, this research

recommends that rhetorical question should be duplicate to increase the degree of interaction between the speaker and listener. This is very important, other than giving advise, Friday sermon will attract the listener to think through the rhetorical question given by *khatib*.

Keyword: *Speech act, Friday sermon, advise, Jais, Selangor.*

Received: 10 Jun 2018

Accepted: 10 Jun 2018

Online Published: 30 Jun 2018